

Headline	Sisa terlarang masuk sungai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	1,6,7	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	1575 cm ²
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 62,045
Frequency	Daily	PR Value	RM 186,136



Headline	Jawatankuasa khas pada peringkat akhir perbincangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	13	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	257 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,510
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,530



Kawalan penggunaan vape

Jawatankuasa khas pada peringkat akhir perbincangan

Kuala Selangor: Jawatankuasa khas berhubung kaedah kawalan terhadap penggunaan rokok elektronik atau vape kini pada peringkat akhir perbincangan sebelum dibentangkan ke Kabinet.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata jawatankuasa khas berkenaan yang diketuai timbalannya, Dr Lee Boon Chye mengadakan perbincangan dengan pemegang taruh berkaitan perkara itu.

"Kami akui isu vape agak kritikal, apatah lagi sudah ada kes kematian dan ramai yang alami masalah kesihatan akibat menghisap vape," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas menghadiri majlis

penyampaian Anugerah Jom Nak Sihat Daerah Kuala Selangor di Dewan Majlis Daerah Kuala Selangor di sini, semalam.

Jawatankuasa khas itu membatik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Rangka Kerja Kawalan Tembakau dan farmasi Kementerian Kesihatan, bertanggungjawab melihat produk tembakau yang mengandungi nikotin.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan dilaporkan memaklumkan akta baharu berkaitan penggunaan tembakau, vape dan shisha di Parlimen selewat-lewatnya pada persidangan sesi Mac 2020. Sementara itu, Dr Dzulkefly ber-

kata, kualiti perkhidmatan kesihatan belum mencapai tahap memuaskan, sekali gus memerlukan perhatian serius kerajaan.

Justeru, beliau berharap kerajaan memberi perhatian serius dengan meningkatkan peruntukan kepada kementerian itu dalam Belanjawan 2020.

"Kementerian berharap isu perkhidmatan kesihatan menjadi antara keutamaan kerajaan. Semua pihak tahu banyak keperluan dan kelengkapan yang tidak mencukupi di hospital seluruh negara. Malah, laporan audit menunjukkan hospital di seluruh negara memerlukan tambahan pelbagai kelengkapan dan peralatan," katanya.



Dr Dzulkefly bersama peserta pada majlis penyampaian Anugerah Jom Nak Sihat Daerah Kuala Selangor, semalam. [Foto Sairien Nafis/BH]

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	6	0	RM 0
Less Harmful Alternatives (Tobacco) (Less Harmful Alternatives	6	0	RM 0
Majlis Daerah Kuala Selangor (Majlis Daerah Kuala Selangor)	1	0	RM 0
Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (Ministry of	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	5	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health - Special - SG)	3	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health (MOH) - SG)	3	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	6	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Sisa pelarut cemar LRA Sungai Semenyih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	63	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 12,199
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,597



Sisa pelarut cemar LRA Sungai Semenyih

Kehadiran tak dapat dirawat loji kumbahan menyebabkan bau dikesan dalam sungai

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Bahan dipercayai sisa pelarut yang dibuang ke dalam sistem pembetungan disyaki punca pencemaran di sungai itu sehingga menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas selama lebih 13 jam kelmarin hingga pagi semalam.

Kehadiran sisa berkecenderungan yang tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan itu menyebabkan bau pelarut dikesan dalam aliran sungai.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau,

Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian, berkata siasatan terperinci Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS) ke kawasan sistem jaringan pembetungan awam di Bandar Bukit Mahkota menemui satu lubang pembetungan yang berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan Bandar Bukit Mahkota.

Beliau berkata, ia berkemungkinan menjadi lokasi utama memasuki pelarut sebelum ke loji Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

Beliau berkata, siasatan itu dibuat susulan laporan yang diterima oleh LUAS daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) mengenai kehadiran bau seakan pelarut dikesan pada jam 2.31 petang kelmarin pada jarak 1.5 kilometer dari muka sauk LRA Sungai Semenyih.

"Siasatan diteruskan bersama Air Selangor berhampiran Bangi Villa dan punca bau didapati bermula dari Sungai Beranang dengan bacaan sampel bau di kawasan terbabit men-



Hee Loy Sian

capai sehingga lima ton.

"Bacaan sampel bau di kawasan alur bersebelahan kawasan perumahan Bukit Mahkota pula adalah tiga ton.

"Bau sama turut dikesan di loji rawatan kumbahan IWK Bandar Bukit Mahkota dan siasatan lanjut mendapati bau pelarut yang kuat berpunca dari pelepasan efluen loji IWK ini," katanya dalam kenyataan media semalam.

Loy Sian berkata, berikutan kejadian itu, LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas bermula jam 5 petang kelmarin dan LUAS menjalankan pensampelan 'insitu' dan 'exsitu' di takat pelepasan akhir loji IWK terbabit.

"Bagaimanapun, *pendosan activated carbon* sebanyak 575 kg (23 bag) sekitar jam 3 pagi menurunkan kadar bau kepada 1 ton di kawasan tangki 'aerator' dan juga di pelepasan efluen loji," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad, berkata Loji Rawatan Air Sungai Semenyih kembali beroperasi sepenuhnya pada jam 6.30 pagi semalam.

Abdul Raof berkata ketika ini proses bagi meningkatkan paras Kolum Imbangan dan penyaluran ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan terjejas sedang berjalan sebelum bekalan dapat disalurkan untuk proses pemulihan berperingkat.

Katanya, sepanjang LRA itu dihenti tugas kira-kira 13 jam 30 minit, berlaku pengurangan pengeluaran harian air terawat sejumlah 357 juta liter.

"Bantuan lori tangki air digerakkan dan 10 Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan diaktifkan bermula jam 8 pagi ini (semalam) bagi menyalurkan bantuan kepada pelanggan yang terjejas hingga bekalan pulih sepenuhnya," katanya.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Department of Environment (DOE) (Department Of Environment	1	0	RM 0
Green Technology-Industry (Green Technology-Industry)	1	0	RM 0
Indah Water Konsortium (Indah Water Konsortium)	3	0	RM 0
Lembaga Urus Air Selangor(LUAS) (Lembaga Urus Air	1	0	RM 0
Malaysian Intellectual Property Corporation (MyIPO) (Patent)	1	0	RM 0
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor Sdn Bhd)	6	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
SP Setia - Sungai Beranang (SP Setia - Sungai Beranang)	1	0	RM 0
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Sungai Semenyih Water	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Selangor lancar 'FAS Soccer Schools'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	82,252
Page No	77,80	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	Norzamira Che Noh	AdValue	RM 9,570
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,710



'FAS Soccer Schools'
diperkenal
di Selangor
Muka 77

Selangor lancar 'FAS Soccer Schools'

Untuk memastikan kualiti dan kelestarian program ini, FAS bertanggungjawab menyediakan kepakaran khidmat jurulatih, kursus kejurulatihan, peralatan bola sepak dan peluang permainan kepada murid.

Dr Johan Kamal Hamidon, Setiausaha Agung FAS

Lima sekolah, 400 murid jadi perintis program

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Lima sekolah rendah di negeri ini bakal menjadi 'lubuk' buat Selangor mendapatkan pelapis untuk pasukan mereka menerusi pelancaran 'FAS Soccer Schools'.

Usaha itu adalah antara langkah yang diambil Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) untuk merencanakan lagi pembangunan akar umbi khususnya selepas as-

pek terbabit menjadi tunjang kepada setiap pasukan bola sepak.

Setiausaha Agung FAS, Dr Johan Kamal Hamidon berkata lima sekolah terbabit adalah sebagai permulaan dengan mereka menasaskan sekurang-kurangnya 20 lagi sekolah akan terbabit dalam tempoh setahun selepas pelancarannya.

"Ketika ini, terdapat lima sekolah rendah dengan 400 murid terbabit dalam program ini dan mungkin jumlahnya akan bertambah pada masa akan datang.

"Pengisian program ini diketengahkan berdasarkan modul program bola sepak yang dilancarkan oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) beberapa minggu lalu. Malah jurulatih kita juga sudah mengikuti kursus akar

umbi yang disediakan FAM.

"Kami mengharapkan lebih ramai ibu bapa serta sekolah mendaftarkan anak-anak mereka untuk program ini kerana dengan yuran RM40 sebulan yang boleh dikatakan antara terendah bagi akademi bola sepak, kita penyediaan peralatan, kejurulatihan serta penggunaan padang," katanya.

Lima sekolah bertuah yang terpilih itu adalah Sekolah Rendah (SK) Bandar Anggerik (Petaling Perdana), SK Kota Kemuning (Klang), SK Sungai Binjai (Klang), SK Sri Kelana (Petaling Utama) dan SK SS6 Kota Damansara (Petaling Utama).

Hadir mencemar duli merasmikan program berkenaan adalah Raja Muda Selangor yang juga

Presiden FAS, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Tengku Amir Shah dalam titahnya berkata, program FAS Soccer Schools adalah kolaborasi antara persatuan itu dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor yang akan memanfaatkan semua pihak yang terlibat.

"Untuk memastikan kualiti dan kelestarian program ini, FAS bertanggungjawab menyediakan kepakaran khidmat jurulatih, kursus kejurulatihan, peralatan bola sepak dan peluang permainan kepada murid.

"Sekolah pula akan bertanggungjawab dalam menyediakan padang bola sepak dan guru-guru yang akan menjadi jurulatih kepada murid mereka," titah baginda.

Headline	Sisa terlarang masuk sungai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	1,6,7	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	1575 cm ²
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 62,045
Frequency	Daily	PR Value	RM 186,136

Bukan salah Indah Water

Bangi: Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menegaskan isu penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, semalam bukan berpunca daripada operasi rawatan air sisa kumbahan yang dijalankan di loji IWK.

Menurut Jabatan Komunikasi Korporat IWK berkata, ia berlaku akibat pembuangan sisa yang tidak dibenarkan secara haram berdekatan dengan loji IWK.

Beliau berkata, petugas IWK yang menerima panggilan dari Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) jam 2 petang semalam, bergegas membuat siasatan segera di Loji Olah Air Sisa Kumbahan IWK (HLT219) Bandar Mahkota, di sini, bagi mengenal pasti punca bau yang dilaporkan Air Selangor.

"IWK bersama pasukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) membuat pemeriksaan di loji berkenaan dan mendapati punca bau yang berasaskan bau bahan kimia berada dua kilometer daripada loji IWK itu.

"Pasukan Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Air Selangor turut bersama ketika pemeriksaan ini dijalankan.

"IWK bersama JAS telah membuat laporan polis mengenai

pembuangan sisa secara haram berkenaan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, kira-kira jam 10 malam tadi (kelmarin), bersama bantuan pihak polis dan IWK telah membuka beberapa lurang pemetungan (manhole) di sekitar kawasan terabit dan mendapati bau berkenaan bermula di lurang pemetungan (*manhole*) terabit.

"Pihak polis turut membuat pemeriksaan di loji IWK berkenaan.

"Manakala pada kira-kira jam 1 pagi semalam,

Luas dan Air Selangor sekali lagi membuat pemeriksaan di loji IWK terabit dan membenarkan IWK untuk meneruskan

operasi seperti biasa.

"Loji rawatan air kumbahan hanya direka bentuk untuk merawat air kumbahan saja," katanya.

Katanya, ia tidak mampu merawat apa-apa bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan secara haram ke dalam jajaran paip pemetungan.

"IWK amat kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air seperti kejadian ini tanpa membuat pemeriksaan rapi atau mendapat maklumat secara menyeluruh," katanya.

Sisa terlarang masuk sungai

Pihak tidak bertanggungjawab buang bahan berbau pelarut sehingga menyebabkan LRA Sungai Semenyih ditutup 13 jam



Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

Pencemaran bau di sumber air sehingga mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup selama lebih 13 jam kelmarin dipercayai akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pemetungan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian berkata, siasatan dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap

sistem *manhole* jaringan pemetungan awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

"Hasil siasatan mendapati satu *manhole* berbau pelarut di kawasan perumahan di bandar berkenaan yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan bahan itu sebelum ke loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"Sisa pembuangan ini tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan dan menyebabkan bau pelarut yang kuat daripada pelepasan efluen loji IWK mengalir ke Sungai Beranang seterusnya ke Sungai Semenyih," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah pencemaran bau itu pihaknya membuat

JURUTEKNIK Air Selangor menghidu sampel air Sungai Semenyih

Headline	Sisa terlarang masuk sungai		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	1,6,7	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	1575 cm ²
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 62,045
Frequency	Daily	PR Value	RM 186,136



JURUTEKNIK Air Selangor membuat pemeriksaan air berkaitan insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih, Bukit Mahkota, Bangi.



pendosan karbon aktif sebanyak 575 kilogram (kg) kira-kira jam 3 pagi semalam di loji berkenaan dan berjaya menurunkan kadar bau kepada satu ton di pelepasan efluen loji.

"Hujan lebat pada malam semalam (kelmarin) dan awal pagi tadi (semalam) turut meningkatkan kadar pencairan sungai dan menyebabkan penurunan bau di Sungai Semenyih.

"Berikutan itu, LRA Sungai Semenyih mula beroperasi sepenuhnya jam 4.30 pagi tadi (semalam)," katanya.

Katanya, Luas bersama pihak terbabit berusaha mengenalpasti pihak yang melakukan pencemaran itu dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menanganis isu berkenaan. "Pihak terbabit yang

melakukan pencemaran ini boleh dikenakan hukuman berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79 Enakmen Luas 1999 tertakluk kepada hasil analisa persampelan daripada Jabatan Kimia Malaysia," katanya.

Kelmarin, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menyatakan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya akibat pencemaran bau dengan bacaan lima ton di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Gangguan tidak berjadual itu menyebabkan 204 kawasan membabitkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas.



PEMANDANGAN terkini Sungai Semenyih.

Bukan salah Indah Water

Bangi: Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menegaskan isu penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, semalam bukan berpunca daripada operasi rawatan air sisa kumbahan yang dijalankan di loji IWK.

Menurut Jabatan Komunikasi Korporat IWK berkata, ia berlaku akibat pembuangan sisa yang tidak dibenarkan secara haram berdekatan dengan loji IWK.

Beliau berkata, petugas IWK yang menerima panggilan dari Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) jam 2 petang semalam, bergegas membuat siasatan segera di Loji Olahan Air Sisa Kumbahan IWK (HLT219) Bandar Mahkota, di sini, bagi mengenal pasti punca bau yang dilaporkan Air Selangor.

"IWK bersama pasukan Jabatan Alam Sekitar (JAS) membuat pemeriksaan di loji berkenaan dan mendapati punca bau yang berasaskan bau bahan kimia berada dua kilometer daripada loji IWK itu.

"Pasukan Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) dan Air Selangor turut bersama ketika pemeriksaan ini dijalankan.

"IWK bersama JAS telah membuat laporan polis mengenai

pembuangan sisa secara haram berkenaan," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, kira-kira jam 10 malam tadi (kelmarin), bersama bantuan pihak polis dan IWK telah membuka beberapa lurang pembedungan (manhole) di sekitar kawasan terbabit dan mendapati bau berkenaan bermula di lurang pembedungan (*mahhole*) terbabit.

"Pihak polis turut membuat pemeriksaan di loji IWK berkenaan.

"Manakala pada kira-kira jam 1 pagi semalam,

Luas dan Air Selangor sekali lagi membuat pemeriksaan di loji IWK terbabit dan membenarkan IWK untuk meneruskan

operasi seperti biasa.

"Loji rawatan air kumbahan hanya direka bentuk untuk merawat air kumbahan saja," katanya.

Katanya, ia tidak mampu merawat apa-apa bahan kimia atau sisa lain yang dilepaskan secara haram ke dalam jajaran paip pembedungan.

"IWK amat kecewa kerana sering menjadi sasaran mudah kepada sebarang kejadian pencemaran air seperti kejadian ini tanpa membuat pemeriksaan rapi atau mendapat maklumat secara menyeluruh," katanya.

Sisa terlarang masuk sungai

Pihak tidak bertanggungjawab buang bahan berbau pelarut sehingga menyebabkan LRA Sungai Semenyih ditutup 13 jam



Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my

Shah Alam

Pencemaran bau di sumber air sehingga mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup selama lebih 13 jam kelmarin dipercayai akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pembedungan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian berkata, siasatan dijalankan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap

sistem *manhole* jaringan pembedungan awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

"Hasil siasatan mendapati satu *manhole* berbau pelarut di kawasan perumahan di bandar berkenaan yang berkemungkinan menjadi lokasi utama pemasukan bahan itu sebelum ke loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"Sisa pembuangan ini tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan dan menyebabkan bau pelarut yang kuat daripada pelepasan effluen loji IWK mengalir ke Sungai Beranang seterusnya ke Sungai Semenyih," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah pencemaran bau itu pihaknya membuat

JURUTEKNIK Air Selangor menghidu sampel air Sungai Semenyih

Headline	Bekalan air pulih jam 6 petang ini		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	7	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	89 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,493
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,479



Bekalan air pulih jam 6 petang ini

Kuala Lumpur: Bekalan air yang terjejas di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang akibat penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih kelmarin dijangka pulih sepenuhnya jam 6 petang ini.

Dalam satu kenyataan, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan & Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, proses pemulihan bekalan setakat jam 6 petang tadi (semalam) mencapai 81 peratus daripada jumlah keseluruhan akaun yang terjejas.

“Daripada 372,031 akaun, sebanyak 132,953 akaun mewakili wilayah Sepang dengan 72 peratus kemajuan dan 114,018 akaun di wilayah Hulu Langat (96 peratus).

“Manakala dua lagi wilayah iaitu Kuala Langat dengan 49,180 akaun dan Sepang dengan 75,880 masing-masing mencapai tahap 61 dan 85 peratus.

“Pihak kami sedang berusaha meningkatkan tekanan dan aliran di sistem agihan serta mempercepatkan proses pemulihan.

“Bantuan lori tangki air terus digerakkan dan 10 Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan terus beroperasi 24 jam sehari sehingga bekalan air pulih sepenuhnya,” katanya.

Untuk maklumat dan status terkini, rujuk aplikasi telefon bimbit Air Selangor, laman sesawang www.airselangor.com atau hubungi talian 15300.

Headline	82 keluarga tunggu zakat lulus		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	22	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,682



Sungai Buloh: Sebahagian daripada 82 keluarga yang terbabit dalam perobohan rumah di tebing Sungai Kedondong, Paya Jaras Hilir di sini dua minggu lalu, kini dalam proses menunggu kelulusan permohonan zakat, kata Ahli Parlimen Sungai Buloh, R Sivarasa.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, itu antara bantuan yang disalurkan kerajaan sementara menunggu unit Rumah Selangorku yang ditawarkan kepada mereka siap dibina dua tahun lagi.

“Disebabkan mereka menolak tawaran rumah yang sudah siap di Rawang kerana dikatakan jauh, kami tawarkan unit Rumah Selangorku di Bukit Rahman Putra dan Aman Putri tetapi

82 keluarga tunggu zakat lulus

semua unit ini masih dalam pembinaan.

“Sebahagian besar daripada mereka bersetuju dan kini menyiapkan dokumentasi dengan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) untuk sempurnakan proses pembelian melalui surat perjanjian dan sebagainya.

“Jadi, sementara menunggu rumah siap, saya difahamkan zakat akan salurkan bantuan sewa rumah kepada mereka yang layak selain bantuan kewangan seperti bulanan dan sebagainya. Ini turut membatik keluarga yang cuma menyewa di situ,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, semalam.



SIVARASA

Terdahulu, beliau menyertai gimik penutupan program Larian Hari Malaysia 2019 Peringkat Saujana Utama di hadapan Balai Masyarakat Saujana Utama, di sini.

Hadir sama, Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Selangor, Mohamad Shahrin Shuib, Ketua Polis Balai Balai Polis Saujana Utama, Sarjan Sham Sukardi Abdullah dan Pengerusi Program, Zakri Iskandar Mohamad Amin.

Mengulas lanjut, jelas Sivarasa, baki rumah yang masih berada di kawasan rizab sungai terbabit tetap dirobok bagi memberi laluan kepada kontraktor memulakan kerja pelebaran dan pendalaman sungai.

“Tiada siapa yang suka melakukan perobohan tetapi tindakan ini tidak dapat dielakkan di kawasan terbabit kerana ia tertangguh sejak 2015 lagi,” katanya.

Headline	Mana datang bau?		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	26	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 14,912
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,736



Mana datang bau?

Pelbagai agensi cari punca bau air di Bandar Bukit Mahkota

PETUGAS Lembaga Urus Air Selangor (Luas) membuat *pendosan activated carbon* untuk menstabilkan kualiti air akibat pencemaran bau di Loji Kumbahan IWK, Bukit Mahkota, Bangi, semalam.

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Bangi

Pelbagai agensi berkaitan masih mencari punca berlakunya pencemaran bau air kawasan Bandar Bukit Mahkota di sini, yang terletak berhampiran dengan loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Zon 24, Zainurin Arifin berkata, pihaknya kesal dengan kejadian yang berlaku kerana ia menjejaskan sebahagian pengguna, semalam.

Beliau berkata, selaku Ahli Majlis yang bertanggungjawab di kawasan ini, beliau mahu tindakan tegas di am-



PENYELIA IWK Langat, Mohd Rafiee Mohd Arshad meninjau Loji Kumbahan IWK, Bukit Mahkota, Bangi.

bil ke atas mereka yang disyaki membuang sisa yang tidak dibenarkan.

"Pihak berwajib mengesan punca yang menyebabkan pencemaran bau di sumber air mentah di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai

Semenyih.

"Saya bersama beberapa agensi turut meninjau di beberapa kawasan bagi mengenal pasti punca berlakunya pencemaran bau yang dilaporkan berlaku berhampiran dengan loji

kumbahan IWK di Bandar Bukit Mahkota.

"Ada dua kemungkinan sama ada ia dibuang pihak yang tidak bertanggungjawab atau kerja pengorekan tanah bagi kerja menaik taraf kabel di kawasan ini," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Zainurin berkata, kontraktor sedang melakukan kerja pengorekan tanah di Persiaran Mahkota 2 berhampiran Masjid Al-Takwa, dipercayai terkena saluran pembentuk yang menyebabkan ia pecah.

"Kontraktor terbabit terpaksa membuat alternatif saluran bagi membuang air kumbahan itu ke dalam longkang sehingga mengalir ke Sungai Beranang dan Sungai Semenyih yang belum dirawat di loji kumbahan IWK," katanya.

Headline	Sisa tidak dibenarkan punca pencemaran Sungai Semenyih		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	208 cm ²
Journalist	AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI	AdValue	RM 2,752
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,256



Sisa tidak dibenarkan punca pencemaran Sungai Semenyih

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM - Punca Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup selama 10 jam bermula pukul 5 petang kelmarin disyaki perbuatan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa yang tidak dibenarkan ke dalam sistem pembentukan.

Pengerusi Jawatan Kuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi

(STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, lokasi pembuangan sisa tidak dibenarkan itu telah dikesan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menjalankan siasatan ke atas sistem *manhole* atau lurang jaringan pembentukan awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati satu *manhole* berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan

Gangguan air di Selangor jejas lebih sejuta pengguna



KERATAN Kosmo! Ahad semalam.

Bandar Bukit Mahkota yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan pelarut sebelum merebak ke loji kumbahan milik Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

"Sisa pembuangan ini tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan dan menyebabkan bau pelarut yang kuat mengalir ke Sungai Beranang dan seterusnya ke Sungai Se-

menyih yang merupakan sumber air mentah kepada LRA Sungai Semenyih.

"Untuk mengatasi masalah itu, kita telah membuat pendosan *activated carbon* sebanyak 575 kilogram pukul 3 pagi tadi (semalam) di loji berkenaan dan berjaya menurunkan kadar bau kepada satu ton," katanya di sini semalam.

Menurut Loy Sian, hujan lebat pada malam kelmarin dan awal pagi semalam juga telah meningkatkan

kadar pencairan sungai dan menyebabkan penurunan bau di Sungai Semenyih.

Tambah beliau, LRA Sungai Semenyih telah mula beroperasi sepenuhnya pukul 4.30 pagi tadi.

Mengulas lanjut, jelasnya, LUAS bersama pihak terlibat sedang berusaha mengenal pasti pihak yang melakukan pencemaran berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu berkenaan.

Headline	Pejabat Lengkap VIO by PKNS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	29	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	821 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,216

Pejabat Lengkap VIO by PKNS



Kemudahan yang inklusif kepada usahawan untuk mempunyai alamat pejabat sendiri, bilik mesyuarat, pengurusan surat menyurat, kawalan keselamatan pejabat selama 24 jam dan kemudahan wifi tanpa had.

Sewaan serendah RM60, Tawaran hebat memulakan perniagaan

SHAH ALAM



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) julung kalinya mengadakan kerjasama melibatkan empat agensi iaitu Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Agro Bank dan SME Corporation Malaysia (SME Corp) sebagai salah satu inisiatif kemudahan yang membuka peluang kepada usahawan Bumiputera di Selangor memulakan mahupun memajukan perniagaan dan meningkatkan keuntungan.

